



# WAJAH BARU HOTEL RAFFLES


SETELAH 18 bulan, Hotel Raffles Singapura kini berwajah baru. Namun, hotel 132 tahun itu adalah salah satu hotel 'grand dame' dari abad ke-19, yang telah menjalani beberapa perkembangan.





**1913**  
Beranda diselaputi besi

**1917**  
Beranda diselaputi besi ditambah kepada bangunan utama tetapi ditanggalkan pada 1920. Ia direplikasi pada 1989 untuk tempat mengambil penumpang.


**1917**  
Bilik Bar dan biliard diperluaskan kerana menjangkakan ramai yang akan melawat Singapura semasa abad pertama pada 1919.




**1933**  
Beranda diganti untuk menempatkan bilik air



**1942-46**  
Hotel dihuni oleh Jepun sebagai Syonan Ryokan semasa Perang Dunia Kedua. Pediment tiga segi digantikan dengan pediment segi empat, yang kekal sehingga 1989.




**1960s - 1980s**  
Hotel Raffles berdepan dengan saingan sengit daripada hotel terkemuka yang lain apabila pemerintah Singapura menggalakkan pelancongan.



**1989-1991**  
Pada 1989, hotel menjalani kerja-kerja pemulihan dan ubah suai selama 2 tahun yang memakan belanja \$160 juta. Firma tempatan Architects 61 menerajui desain manakala Bent Severin and Associates menanganinya dalam. Dewan ditanggalkan untuk mendedahkan fasad keseluruhan bangunan asli. Hartanah sekeliling seperti rumah kedai dibeli dan dibangunkan semula menjadi Arked Hotel Raffles.


**1878-1896**  
Bangunan asli yang berdiri di Hotel Raffles adalah banglo 10 bilik yang diketahui sebagai Beach House. Ia dibina pada 1830-an oleh pedagang yang berpangkalan di Pulau Pinang, Encik Robert Scott. Ia kemudian dimiliki keluarga Alsagoff pada 1870, dan dipajak kepada doktor haiwan Dr Charles Emmerson pada 1878 yang mengubahnya sebagai hotel.

Pada 1 Disember 1887, Armenian Sarkies Brothers membuka Hotel Raffles Singapura sebagai banglo 10 bilik yang menghadap pantai.



**1890**  
Biliard semakin popular, Hotel Raffles mendirikan Bilik Bar dan Biliard dengan empat meja permainan.

**1894**  
Lanjutan berbentuk L didirikan untuk memenuhi permintaan yang meningkat bagi penginapan kerana hotel ini semakin popular.



**1896**  
Bilik Bar dan Biliard yang baru

**1897**  
Bangunan utama 3 tingkat dan fasad terkenal Hotel Raffles dibina pada 1897 dan mula beroperasi pada 1899. Bangunan tersebut mempunyai beranda lebar, lounge luas, dan ruang makan berbentuk T yang boleh menempatkan 500 orang.